UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

AGES 10+ | 2-4 PLAYERS

LADDERS OF AWARENESS 2.0

"ZERO INFECTION, ZERO DEATH"





PAPAN PERMAINAN



THE BRAINS BEHIND THE BOARD



WAN ANSARI MUHAMMAD SYAHRIL|MUHAMMAD SYARIFUDIN|AHMAD IHSAN|MUHAMMAD HAFIZ|HANIS SOFIYA|NAZRATUN NAJWA

ABSTRAK

HIV/AIDS kekal sebagai isu kesihatan awam yang serius, khususnya dalam kalangan pengguna dadah suntikan (IDU) yang berisiko tinggi dijangkiti akibat amalan perkongsian jarum tidak selamat. Kajian ini meneliti faktor risiko penularan HIV dalam kalangan IDU serta keberkesanan program pengurangan kemudaratan seperti Pertukaran Jarum Suntikan (NSEP) dan Terapi Gantian Methadone (MMT). Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor seperti sosiodemografi, pengaruh rakan sebaya, tekanan sosial, kesukaran ekonomi dan corak penggunaan dadah menyumbang kepada peningkatan risiko jangkitan. Program pengurangan kemudaratan terbukti berkesan dalam mengurangkan penularan HIV dan menyokong pemulihan IDU. Kajian ini menegaskan pentingnya pelaksanaan berterusan program sebegini serta peningkatan akses kepada rawatan dan pendidikan kesihatan bagi mengawal penyebaran HIV dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi.

PENGENALAN

Kami merupakan sekumpulan pelajar yang prihatin terhadap isu penularan HIV akibat penyalahgunaan dadah melalui suntikan. Melalui permainan papan Snakes & Ladders ini kami ingin menyampaikan mesej kesedaran dengan cara yang interaktif dan menyeronokkan. Objektif kami adalah untuk mendidik komuniti terutamanya golongan muda tentang bahaya penyalahgunaan dadah secara suntikan dan pentingnya langkah pencegahan HIV.

TUJUAN

Tujuan permainan ini adalah untuk memberikan pendedahan awal dan meningkatkan kesedaran tentang bahaya penggunaan dadah secara suntikan serta risiko penularan HIV melalui pendekatan pembelajaran yang interaktif, menyeronokkan dan mudah difahami oleh semua peringkat usia, terutamanya pelajar.





GOLONGAN SASARAN

Umur: 10 tahun ke atas

→ Sesuai untuk murid sekolah, belia dan komuniti umum.

Jantina: Lelaki dan perempuan

→ Kandungan inklusif dan tidak berat sebelah.

Jumlah Pemain: 2 hingga 4 orang

→ Direka untuk permainan berkumpulan yang menyeronokkan dan interaktif.



KESESUAIAN

- Program pendidikan kesihatan
- Bengkel kesedaran HIV/IDU
- Aktiviti komuniti & kelab sekolah
- Modul pembelajaran luar bilik darjah

IMPAK SOSIAL

1. Mendidik masyarakat tentang risiko sebenar penggunaan dadah secara suntikan, termasuk penularan HIV melalui perkongsian jarum.
2. Papan permainan ini menggalakkan pemain untuk membuat keputusan lebih bertanggungjawab berkenaan kesihatan seperti tidak berkongsi jarum, mendapatkan rawatan atau menyokong kempen kesedaran HIV.
3. Ia juga boleh memupuk sikap prihatin dalam kalangan remaja dan belia terhadap isu-isu sosial berkaitan kesihatan awam.



TERIMA KASIH

- INJECT THE TRUTH, BREAK THE VIRUS-